



# **KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH**

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

# **PENDIDIKAN SENI VISUAL**

## **TAHUN ENAM**



**DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN  
(KSSR)**

**PENDIDIKAN SENI VISUAL  
TAHUN ENAM**



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM**

2015 Cetakan Pertama

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

## KANDUNGAN

	MUKA SURAT
Rukun Negara	7
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	7
Pendahuluan	9
Matlamat	9
Objektif	10
Pentaksiran Pengajaran dan Pembelajaran	11
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	12
Aktiviti Pendidikan Seni Visual Tahun Enam	13
Organisasi Kandungan	14 - 15
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	16
Kemahiran Abad Ke-21 dan Profil Murid	17
Tafsiran Umum	19
Tafsiran Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	20





## RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita Untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden; MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

# Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.





## **PENDAHULUAN**

Dokumen Standard Pendidikan Seni Visual Tahap 2 adalah berpusatkan murid dan memberi peluang kepada mereka untuk mempertingkatkan daya imaginasi, kreativiti, dan bakat ke tahap optima dalam proses penghasilan karya.

Dokumen ini dapat memberi panduan dalam proses pembelajaran abad ke-21 yang mementingkan pembelajaran kolaboratif, pemikiran aras tinggi, dan belajar untuk kehidupan secara praktikal. Ia membolehkan penzahiran idea secara kreatif dan inovatif dengan berbantuan teknologi bertepatan dengan tahap keupayaan murid.

Dokumen ini juga dapat membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik seni dan budaya serta menyediakan murid bagi menghadapi cabaran alaf baru selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## **MATLAMAT**

Dokumen Standard Pendidikan Seni Visual Tahap 2 bermatlamat untuk melahirkan insan yang harmonis, kritis, kreatif dan inovatif menerusi pemupukan bahasa seni visual. Aktiviti yang dirancang membolehkan murid menghasilkan karya dan berupaya membuat apresiasi seni visual. Isi kandungannya membantu perkembangan emosi murid, meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni dan warisan bangsa, serta dapat menyumbang ke arah pembangunan diri, keluarga, masyarakat, dan negara selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Setelah mengikuti Kurikulum Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah murid dapat:

1. Menghargai keindahan alam ciptaan tuhan.
2. Mengetahui bahasa seni visual serta dapat mengaplikasi dalam penghasilan karya.
3. Meningkatkan daya imaginasi dan kreativiti.
4. Menguasai kemahiran asas dalam Modul Menggambar, Membuat Corak dan Rekaan, Membentuk dan Membuat Binaan, serta Mengenal Kraf Tradisional.
5. Menggunakan kemudahan teknologi dalam kegiatan penghasilan karya seni visual.
6. Melibatkan diri dalam kegiatan seni visual secara aktif, kritis, kreatif, inovatif dan menyeronokkan.
7. Memupuk keyakinan diri, nilai kerjasama, disiplin diri dan bertanggungjawab dalam aktiviti seni visual.
8. Mengenal dan menghargai tokoh seni dan budaya tanah air.
9. Menghargai dan membuat apresiasi tentang karya sendiri dan rakan.

## PENTAKSIRAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pentaksiran dalam Pendidikan Seni Visual melibatkan pengujian dan pengukuran secara holistik dan berterusan. Pentaksiran secara keseluruhan membolehkan murid menggabungkan kefahaman mereka kepada aspek kognitif, psikomotor, dan afektif. Secara tidak langsung, pentaksiran menitikberatkan pada perbuatan murid yang mencungkil kemahiran berfikir serta melahirkan murid yang mampu menzahirkan idea yang kreatif dan inovatif.

Pentaksiran dalam Pendidikan Seni Visual menggunakan standard prestasi yang mengandungi tahap penguasaan mengikut tafsiran yang ditetapkan merujuk kepada kandungan standard pembelajaran. Kriteria pentaksiran merangkumi pengetahuan murid, penggunaan media, proses penghasilan, kemahiran serta hasil akhir yang merangkumi gubahan, interpretasi, fungsi, keaslian, kreativiti, serta kemas. Pentaksiran ini dilaksanakan dalam bilik darjah semasa dan selepas pengajaran dan pembelajaran secara fleksibel, akauntabiliti dan berintegriti.

Pentaksiran yang fleksibel, akauntabiliti dan berintegriti menitikberatkan penilaian yang mengambil kira keperluan sekolah serta ciri murid itu sendiri dari segi gaya pembelajaran dan kecerdasan murid. Pentaksiran boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan. Guru bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan pentaksiran. Selain itu, guru juga harus merekod pencapaian murid, menganalisis tahap penguasaan tersebut serta membuat laporan untuk membuat tindakan susulan yang berkaitan.

## STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pendidikan Seni Visual mengaplikasikan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran seperti Teori Kecerdasan Pelbagai, Kajian Masa Depan, Pembelajaran Kontekstual, Konstruktivisme, Pembelajaran Akses Kendiri, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif, Belajar Cara Belajar, dan Pembelajaran Masteri yang selaras dengan visi dan misi pendidikan yang berhasrat untuk menyempurnakan Falsafah Pendidikan Negara. Penggunaan strategi-strategi ini bertujuan untuk memupuk minat dan kreativiti dalam kalangan murid.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik minat dan dapat mencetus idea seperti penerokaan amatlah digalakkan sama ada secara manual atau berbantuan teknologi. Kaedah pengajaran yang disarankan adalah seperti *Discipline Based Art Education* (DBAE), pembelajaran berorientasikan produk, berorientasikan studio, aktiviti berkumpulan, kolaborasi, koperatif, tunjuk cara, bicara seni, percambahan minda, soal jawab, penyelesaian masalah, kembara visual, imitasi, dan ekspresi diri. Pemilihan dan penentuan kaedah pengajaran yang pelbagai perlu selaras dengan kesediaan, kemampuan, kebolehan, penumpuan, pengalaman dan pemerhatian murid.

Proses penghasilan karya dan peningkatan pembelajaran yang berterusan perlu diberi penekanan dan penilaian. Hasil kerja murid hendaklah dipamerkan sebagai penghargaan. Murid digalakkan menyimpan rekod pengalaman pembelajaran (folio) dan hasil kerjanya sendiri. Amalan ini akan melatih murid membuat analisis, sintesis, dan refleksi terhadap pembelajarannya. Rekod ini juga membantu guru menilai perkembangan pembelajaran murid.

### Aktiviti Pendidikan Seni Visual Tahun Enam

MODUL	AKTIVITI	GABUNGAN TEKNIK DALAM AKTIVITI
<b>MENGGAMBAR</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Lukisan</li> <li>2. Catan</li> <li>3. Poster</li> <li>4. Cetakan</li> </ol>	Gosokan dan kolaj Montaj dan cetakan Montaj dan kolaj Mozek dan stensilan
<b>MEMBUAT CORAK DAN REKAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pualaman</li> <li>2. Ikatan dan celupan</li> <li>3. Renjisan dan percikan</li> </ol>	Tiupan serta lipatan dan guntingan Resis dan mozek Stensilan dan capan
<b>MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mobail</li> <li>2. Diorama</li> <li>3. Stabail</li> </ol>	Lukisan dan origami Model dan catan Mozek dan boneka
<b>MENGENAL KRAF TRADISIONAL</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Alat pertahanan diri / Alat permainan</li> <li>2. Alat domestik / Alat perhiasan diri</li> </ol>	Ukiran dan tekat Batik dan anyaman
<b>PENGURUSAN PAMERAN</b>		

## ORGANISASI KANDUNGAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Seni Visual Tahun Enam mengandungi empat modul iaitu Menggambar, Membuat Corak dan Rekaan, Membentuk dan Membuat Binaan, Serta Mengenal Kraf Tradisional. Organisasi kandungan dalam empat modul tersebut disusun berasaskan kepada empat standard kandungan iaitu persepsi estetik, aplikasi seni, ekspresi kreatif, dan apresiasi seni. Standard pembelajaran digubal dan diperincikan bagi tujuan pengajaran berasaskan standard kandungan.

Pengurusan pameran adalah satu keperluan untuk melengkapkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Seni Visual Tahun Enam bagi memberi pengetahuan, pendedahan, dan pengalaman kepada murid berkaitan dengan prosedur untuk melaksanakan pameran visual yang merangkumi aspek kognitif, psikomotor dan afektif. Pengurusan pameran ini dilaksanakan setelah murid melengkapkan empat modul yang terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Seni Visual Tahun Enam.

### **STANDARD KANDUNGAN 1 : PERSEPSI ESTETIK**

- 1.1 Standard kandungan ini membolehkan murid membuat persepsi dan memahami bahasa seni visual (unsur seni dan prinsip rekaan) yang terdapat pada alam ciptaan Tuhan, objek buatan manusia, dan karya seni.
- 1.2 Standard kandungan ini membolehkan murid membuat persepsi, dan mengenal pasti prosedur pengurusan pameran.

### **STANDARD KANDUNGAN 2 : APLIKASI SENI**

- 2.1 Standard kandungan ini membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan, pemahaman, dan bahasa seni visual menerusi penentuan media dan teknik dalam aktiviti seni.
- 2.2 Standard kandungan ini membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan berkaitan prosedur pengurusan pameran.

### **STANDARD KANDUNGAN 3 : EKSPRESI KREATIF**

- 3.1 Standard kandungan ini membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual menerusi penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan karya seni.
- 3.2 Standard kandungan ini membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman pengurusan pameran menerusi penzahiran idea melalui pelbagai sumber kajian dan teknologi dalam melaksanakan pameran mengikut prosedur.

### **STANDARD KANDUNGAN 4 : APRESIASI SENI**

- 4.1 Standard kandungan ini membolehkan murid membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni, dan budaya. Murid juga boleh membuat penghayatan dan penghargaan seni warisan serta hubungkait seni visual dengan disiplin ilmu yang lain, kehidupan, dan kerjaya.
- 4.2 Standard kandungan ini membolehkan murid membuat apresiasi karya berdasarkan pendekatan formalistik dan refleksi terhadap pameran yang telah dilaksanakan.

## KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 1.

Tahap pemikiran	Penerangan
Mengaplikasi	<ul style="list-style-type: none"><li>Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara</li></ul>
Menganalisis	<ul style="list-style-type: none"><li>Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan</li></ul>
Menilai	<ul style="list-style-type: none"><li>Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi</li></ul>
Mencipta	<ul style="list-style-type: none"><li>Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif</li></ul>

Jadual 1: Tahap pemikiran dalam KBAT

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

**Kemahiran berfikir kritis** adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

**Kemahiran berfikir kreatif** adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

**Kemahiran menaakul** adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

**Strategi berfikir** merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran, peta minda, dan *Thinking Hats* serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.



## KEMAHIRAN ABAD KE-21 DAN PROFIL MURID

Kemahiran abad ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai profil berikut:

Bil	Profil Murid	Penerangan
1.	<b>Berdaya tahan</b>	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
2.	<b>Pemikir</b>	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru.
3.	<b>Mahir berkomunikasi</b>	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi
4.	<b>Kerja sepasukan</b>	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mengalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
5.	<b>Bersifat ingin tahu</b>	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
6.	<b>Berprinsip</b>	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
7.	<b>Bermaklumat</b>	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
8.	<b>Penyayang/Prihatin</b>	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
9.	<b>Patriotik</b>	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	Murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif.
6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baru secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif serta boleh dicontohi.

## TAFSIRAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenal, mengetahui, dan menghubungkan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</li> <li>• Mengetahui prosedur pengurusan pameran di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengetahui, memahami dan merumuskan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</li> <li>• Mengetahui dan memahami prosedur pengurusan pameran di samping mengamalkan nilai-nilai murni</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik serta menggabungkan aktiviti dalam penghasilan karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</li> <li>• Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman prosedur pengurusan pameran di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menzahirkan idea, pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik serta menggabungkan aktiviti dalam penghasilan karya yang betul dan mengikut disiplin di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</li> <li>• Menzahirkan idea, pengetahuan dan kefahaman dalam pelaksanaan pameran mengikut disiplin di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menzahirkan idea, pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik serta menggabungkan aktiviti dalam penghasilan karya yang betul dan kreatif serta mengikut disiplin di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</li> <li>• Menzahirkan pameran dengan mengikut prosedur yang betul di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menzahirkan idea berpandukan kemahiran bahasa seni visual, proses dan teknik serta menggabungkan aktiviti dalam penghasilan karya yang kreatif dan unik mengikut disiplin yang betul dengan melakukan kemas pada karya dan boleh dicontohi serta boleh membuat apresiasi terhadap hasil karya sendiri dan rakan secara lisan dengan menghubungkan sejarah seni atau adi guru atau tokoh seni atau warisan seni negara di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</li> <li>• Menzahirkan pameran dengan mengikut prosedur yang betul di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</li> </ul>

**MODUL 1 : MENGGAMBAR**  
**AKTIVITI : LUKISAN**  
**GABUNGAN TEKNIK DALAM AKTIVITI : GOSOKAN DAN KOLAJ**  
**TEMA : ALAM SEMULA JADI ATAU OBJEK BUATAN MANUSIA**

- Menghasilkan lukisan yang menggabungkan teknik gosokan dan kolaj dengan menekankan bahasa seni visual
- Mengaplikasikan pelbagai media serta proses dan teknik secara kreatif
- Membuat apresiasi terhadap karya

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
<p><b>1.1 PERSEPSI ESTETIK</b> Membuat persepsi dan mengenal pasti bahasa seni visual yang ada pada lukisan dengan gabungan aktiviti gosokan dan kolaj.</p> <p><b>1.2 APLIKASI SENI</b> Mengaplikasikan bahasa seni visual dan media dalam penghasilan lukisan dengan gabungan teknik gosokan dan kolaj.</p>	<p>Murid dapat membuat persepsi, mengenal pasti, memahami, dan menyatakan bahasa seni visual yang ada pada lukisan dengan gabungan teknik gosokan dan kolaj.</p> <p>1.1.1 Unsur Seni            1.1.1.1 Garisan            1.1.1.2 Jalinan            1.1.1.3 Warna            1.1.1.4 Bentuk</p> <p>1.1.2 Prinsip Rekaan            1.1.2.1 Kepelbagaian            1.1.2.2 Kesatuan</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam penghasilan lukisan dengan gabungan teknik gosokan dan kolaj.</p> <p>1.2.1 Mengenal dan menyatakan jenis-jenis media :  <b>Cadangan media:</b>            1.2.1.1 Alat - permukaan berjalinan, gunting atau alatan yang sesuai.            1.2.1.2 Bahan - kertas lukisan, pensel warna, <i>oil pastel</i>, kertas warna, gam atau bahan lain yang sesuai</p> <p>1.2.2 Mengetahui penggunaan media, proses, dan gabungan teknik dalam penghasilan lukisan.            1.2.2.1 Teknik - campuran (lukisan, gosokan dan kolaj)</p>	<p><b>TAHAP PENGUASAAN 1</b> Mengetahui, memahami, dan menghubungkan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam aktiviti lukisan dengan gabungan teknik gosokan dan kolaj pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 2</b> Mengetahui, memahami dan merumuskan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam aktiviti lukisan dengan gabungan teknik gosokan dan kolaj pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 3</b> Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan lukisan dengan gabungan teknik gosokan dan kolaj pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p>

<p><b>1.3 EKSPRESI KREATIF</b> Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan lukisan dengan gabungan teknik gosokan dan kolaj.</p> <p><b>1.4 APRESIASI SENI</b> Apresiasi terhadap karya lukisan sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni dan budaya.</p>	<p>Murid dapat menzahirkan idea melalui pelbagai sumber kajian dan teknologi dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan lukisan dengan gabungan teknik gosokan dan kolaj yang kreatif.</p> <p>1.3.1 Menjana idea dalam proses penghasilan karya 1.3.2 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif 1.3.3 Menggunakan bahasa seni visual dalam penghasilan karya 1.3.4 Mengaplikasikan gabungan media, proses dan teknik dalam penghasilan karya 1.3.5 Menghasilkan kemasan akhir bagi mempertingkatkan nilai estetik sebagai nilai tambah pada karya</p> <p>Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual serta menghubungkan kait seni dengan disiplin ilmu yang lain, kehidupan, sejarah seni dan budaya.</p> <p>1.4.1 Mempamerkan karya lukisan yang dihasilkan 1.4.2 Menceritakan pengalaman sendiri dalam proses penghasilan karya 1.4.3 Membuat ulasan karya lukisan sendiri dan rakan secara lisan 1.4.4 Menyimpan karya lukisan di dalam portfolio</p>	<p><b>TAHAP PENGUASAAN 4</b> Menzahirkan idea, pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan lukisan dengan gabungan teknik gosokan dan kolaj yang betul pada karya mengikut disiplin di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 5</b> Menzahirkan idea, pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan lukisan dengan gabungan teknik gosokan dan kolaj yang betul dan kreatif pada karya mengikut disiplin di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 6</b> Menzahirkan idea berpandukan kemahiran bahasa seni visual, proses dan teknik dalam penghasilan lukisan dengan gabungan teknik gosokan dan kolaj yang betul, kreatif dan unik mengikut disiplin, melakukan kemasan pada karya, boleh dicontohi dan berupaya membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan secara lisan dengan menghubungkan sejarah seni atau tokoh seni atau warisan seni negara di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p>
--	---	--

**MODUL 1 : MENGGAMBAR**  
**AKTIVITI : CATAN**  
**GABUNGAN TEKNIK DALAM AKTIVITI : MONTAJ DAN CETAKAN**  
**TEMA : ALAM SEMULA JADI ATAU OBJEK BUATAN MANUSIA**

- Menghasilkan catan yang menggabungkan teknik montaj dan cetakan dengan menekankan bahasa seni visual
- Mengaplikasikan pelbagai media serta proses dan teknik secara kreatif
- Membuat apresiasi terhadap karya

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
<p><b>1.1 PERSEPSI ESTETIK</b> Membuat persepsi dan mengenal pasti bahasa seni visual yang ada pada hasil aktiviti catan dengan gabungan teknik montaj dan cetakan.</p> <p><b>1.2 APLIKASI SENI</b> Mengaplikasikan bahasa seni visual dan media dalam penghasilan catan dengan gabungan teknik montaj dan cetakan.</p>	<p>Murid dapat membuat persepsi, mengenal pasti, memahami, dan menyatakan bahasa seni visual yang ada pada catan dengan gabungan teknik montaj dan cetakan.</p> <p>1.1.1 Unsur Seni            1.1.1.1 Bentuk            1.1.1.2 Ruang            1.1.1.3 Jalinan            1.1.1.4 Warna</p> <p>1.1.2 Prinsip Rekaan            1.1.2.1 Imbangan            1.1.2.2 Penegasan</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam penghasilan catan dengan gabungan teknik montaj dan cetakan.</p> <p>1.2.1 Mengenal dan menyatakan jenis-jenis media seperti:  <b>Cadangan media:</b>            1.2.1.1 Alat - berus lukisan, blok cetakan, gunting, palet atau alatan lain yang sesuai            1.2.1.2 Bahan - kertas lukisan, majalah, cat air atau cat poster atau cat tempera, gam atau bahan lain yang sesuai</p> <p>1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya            1.2.2.1 Teknik - campuran (basah atas basah atau basah atas kering, cetakan timbulan, montaj)</p>	<p><b>TAHAP PENGUASAAN 1</b> Mengetahui, memahami, dan menghubungkan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam aktiviti catan dengan gabungan teknik montaj dan cetakan pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 2</b> Mengetahui, memahami dan merumuskan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam aktiviti catan dengan gabungan teknik montaj dan cetakan pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 3</b> Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan catan dengan gabungan teknik montaj dan cetakan pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p>

<p><b>1.3 EKSPRESI KREATIF</b> Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan catan dengan gabungan teknik montaj dan cetakan.</p> <p><b>1.4 APRESIASI SENI</b> Apresiasi terhadap karya lukisan sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni dan budaya.</p>	<p>Murid dapat menzahirkan idea melalui pelbagai sumber kajian dan teknologi dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan catan dengan gabungan teknik montaj dan cetakan yang kreatif.</p> <p>1.3.1 Menjana idea dalam proses penghasilan karya. 1.3.2 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif 1.3.3 Menggunakan bahasa seni visual dalam penghasilan karya 1.3.4 Mengaplikasikan gabungan media, proses dan teknik dalam penghasilan karya 1.3.5 Menghasilkan kemasan akhir bagi mempertingkatkan nilai estetik sebagai nilai tambah pada karya</p> <p>Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual serta menghubungkan kait seni dengan disiplin ilmu yang lain, kehidupan, sejarah seni dan budaya.</p> <p>1.4.1 Mempamerkan karya catan yang dihasilkan 1.4.2 Menceritakan pengalaman sendiri dalam proses penghasilan karya 1.4.3 Membuat ulasan karya catan sendiri dan rakan secara lisan 1.4.4 Menyimpan karya catan di dalam portfolio</p>	<p><b>TAHAP PENGUASAAN 4</b> Menzahirkan idea, pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan catan dengan gabungan teknik montaj dan cetakan yang betul pada karya mengikut disiplin di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 5</b> Menzahirkan idea, pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan catan dengan gabungan teknik montaj dan cetakan yang betul dan kreatif pada karya mengikut disiplin di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 6</b> Menzahirkan idea berpandukan kemahiran bahasa seni visual, proses dan teknik dalam penghasilan catan dengan gabungan teknik montaj dan cetakan yang betul, kreatif dan unik mengikut disiplin, melakukan kemasan pada karya, boleh dicontohi dan berupaya membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan secara lisan dengan menghubungkaitkan sejarah seni atau tokoh seni atau warisan seni negara di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p>
---	---	---

**MODUL 1 : MENGGAMBAR**  
**AKTIVITI : POSTER**  
**GABUNGAN TEKNIK DALAM AKTIVITI : MONTAJ DAN KOLAJ**  
**TEMA : ALAM SEMULA JADI ATAU OBJEK BUATAN MANUSIA**

- Menghasilkan poster yang menggabungkan teknik montaj dan kolaj dengan menekankan bahasa seni visual
- Mengaplikasikan pelbagai media serta proses dan teknik secara kreatif
- Membuat apresiasi terhadap karya

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
<p><b>1.1 PERSEPSI ESTETIK</b> Membuat persepsi dan mengenal pasti bahasa seni visual yang ada pada hasil aktiviti poster dengan gabungan teknik montaj dan kolaj.</p> <p><b>1.2 APLIKASI SENI</b> Mengaplikasikan bahasa seni visual dan media dalam penghasilan poster dengan gabungan teknik montaj dan kolaj.</p>	<p>Murid dapat membuat persepsi, mengenal pasti, memahami, dan menyatakan bahasa seni visual yang ada pada poster dengan gabungan teknik montaj dan kolaj.</p> <p>1.1.1 Unsur Seni            1.1.1.1 Rupa            1.1.1.2 Jalinan            1.1.1.3 Warna            1.1.1.4 Bentuk</p> <p>1.1.2 Prinsip Rekaan            1.1.2.1 Penegasan            1.1.2.2 Imbangan            1.1.2.3 Kontra</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam penghasilan poster dengan gabungan teknik montaj dan kolaj.</p> <p>1.2.1 Mengetahui dan menyatakan jenis-jenis media seperti:  <b>Cadangan media:</b>            1.2.1.1 Alat – gunting atau alatan yang sesuai            1.2.1.2 Bahan - kertas lukisan, kertas warna, majalah, cat poster, gam atau bahan lain yang sesuai</p> <p>1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan poster            1.2.2.1 Teknik - campuran (catan, montaj dan kolaj)</p>	<p><b>TAHAP PENGUASAAN 1</b> Mengetahui, mengetahui, dan menghubungkan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam poster dengan gabungan teknik montaj dan kolaj pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 2</b> Mengetahui, memahami dan merumuskan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam aktiviti poster dengan gabungan teknik montaj dan kolaj pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 3</b> Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan poster dengan gabungan teknik montaj dan kolaj pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p>



<p><b>1.3 EKSPRESI KREATIF</b> Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan poster dengan gabungan teknik montaj dan kolaj.</p> <p><b>1.4 APRESIASI SENI</b> Apresiasi terhadap karya lukisan sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni dan budaya.</p>	<p>Murid dapat menzahirkan idea melalui pelbagai sumber kajian dan teknologi dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan poster dengan gabungan teknik montaj dan kolaj yang kreatif.</p> <p>1.3.1 Menjana idea dalam proses penghasilan karya. 1.3.2 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif 1.3.3 Menggunakan bahasa seni visual dalam penghasilan karya 1.3.4 Mengaplikasikan gabungan media, proses dan teknik dalam penghasilan karya 1.3.5 Menghasilkan kemasan akhir bagi mempertingkatkan nilai estetik sebagai nilai tambah pada karya</p> <p>Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual serta menghubungkan kait seni dengan disiplin ilmu yang lain, kehidupan, sejarah seni dan budaya.</p> <p>1.4.1 Mempamerkan karya catan yang dihasilkan 1.4.2 Menceritakan pengalaman sendiri dalam proses penghasilan karya 1.4.3 Membuat ulasan karya poster sendiri dan rakan secara lisan 1.4.4 Menyimpan karya poster di dalam portfolio</p>	<p><b>TAHAP PENGUASAAN 4</b> Menzahirkan idea, pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan poster dengan gabungan teknik montaj dan kolaj yang betul pada karya mengikut disiplin di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 5</b> Menzahirkan idea, pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan poster dengan gabungan teknik montaj dan kolaj yang betul dan kreatif pada karya mengikut disiplin di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 6</b> Menzahirkan idea berpandukan kemahiran bahasa seni visual, proses dan teknik dalam penghasilan poster dengan gabungan teknik montaj dan kolaj yang betul, kreatif dan unik mengikut disiplin, melakukan kemasan pada karya, boleh dicontohi dan berupaya membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan secara lisan dengan menghubungkan sejarah seni atau tokoh seni atau warisan seni negara di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p>
--	--	--

**MODUL 1 : MENGGAMBAR**  
**AKTIVITI : CETAKAN**  
**GABUNGAN TEKNIK DALAM AKTIVITI : MOZEK DAN STENSILAN**  
**TEMA : ALAM SEMULA JADI ATAU OBJEK BUATAN MANUSIA**

- Menghasilkan cetakan yang menggabungkan teknik mozek dan stensilan dengan menekankan bahasa seni visual
- Mengaplikasikan pelbagai media serta proses dan teknik secara kreatif
- Membuat apresiasi terhadap karya

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
<p><b>1.1 PERSEPSI ESTETIK</b> Membuat persepsi dan mengenal pasti bahasa seni visual yang ada pada hasil aktiviti cetakan dengan gabungan teknik mozek dan stensilan</p> <p><b>1.2 APLIKASI SENI</b> Mengaplikasikan bahasa seni visual dan media dalam penghasilan cetakan dengan gabungan teknik mozek dan stensilan</p>	<p>Murid dapat membuat persepsi, mengenal pasti, memahami, dan menyatakan bahasa seni visual yang ada pada cetakan dengan gabungan teknik mozek dan stensilan.</p> <p>1.1.1 Unsur Seni            1.1.1.1 Garisan            1.1.1.2 Rupa            1.1.1.3 Jalinan</p> <p>1.1.2 Prinsip Rekaan            1.1.2.1 Kesatuan            1.1.2.2 Kontra            1.1.2.3 Kepelbagaian</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam penghasilan cetakan dengan gabungan teknik mozek dan stensilan.</p> <p>1.2.1 Mengetahui dan menyatakan jenis-jenis media seperti:  <b>Cadangan media:</b>            1.2.1.1 Alat - blok cetakan, stensil, gunting atau alatan lain yang sesuai            1.2.1.2 Bahan - kertas lukisan, <i>oil pastel</i>, cat air, gam atau bahan lain yang sesuai</p> <p>1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya            1.2.2.1 Teknik - campuran (cetakan timbul, mozek dan stensilan)</p>	<p><b>TAHAP PENGUASAAN 1</b> Mengetahui, memahami, dan menghubungkan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada aktiviti mozek dan stensilan pada karya cetakan di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 2</b> Mengetahui, memahami dan merumuskan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada aktiviti mozek dan stensilan pada karya cetakan di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 3</b> Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik serta menggabungkan aktiviti mozek dan stensilan dalam penghasilan karya cetakan di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p>

<p><b>1.3 EKSPRESI KREATIF</b> Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan cetakan dengan gabungan teknik mozek dan stensilan</p> <p><b>1.4 APRESIASI SENI</b> Apresiasi terhadap karya lukisan sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni dan budaya.</p>	<p>Murid dapat menzahirkan idea melalui pelbagai sumber kajian dan teknologi dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan cetakan dengan gabungan teknik mozek dan stensilan yang kreatif.</p> <p>1.3.1 Menjana idea dalam proses penghasilan karya 1.3.2 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif 1.3.3 Menggunakan bahasa seni visual dalam penghasilan karya 1.3.4 Mengaplikasikan gabungan media, proses dan teknik dalam penghasilan karya 1.3.5 Menghasilkan kemasan akhir bagi mempertingkatkan nilai estetik sebagai nilai tambah pada karya</p> <p>Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual serta menghubungkan kait seni dengan disiplin ilmu yang lain, kehidupan, sejarah seni dan budaya.</p> <p>1.4.1 Mempamerkan karya cetakan yang dihasilkan 1.4.2 Menceritakan pengalaman sendiri dalam proses penghasilan karya 1.4.3 Membuat ulasan karya cetakan sendiri dan rakan secara lisan 1.4.4 Menyimpan karya cetakan di dalam portfolio</p>	<p><b>TAHAP PENGUASAAN 4</b> Menzahirkan idea, pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik serta menggabungkan aktiviti mozek dan stensilan dalam penghasilan karya cetakan yang betul dan mengikut disiplin di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 5</b> Menzahirkan idea, pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik serta menggabungkan aktiviti mozek dan stensilan dalam penghasilan karya cetakan yang betul dan kreatif serta mengikut disiplin di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUASAAN 6</b> Menzahirkan idea berpandukan kemahiran bahasa seni visual, proses dan teknik serta menggabungkan aktiviti mozek dan stensilan dalam penghasilan karya cetakan yang kreatif dan unik mengikut disiplin yang betul dengan melakukan kemasan pada karya dan boleh dicontohi serta boleh membuat apresiasi terhadap hasil karya sendiri dan rakan secara lisan dengan menghubungkaitkan sejarah seni atau adi guru atau tokoh seni atau warisan seni negara di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p>
---	---	--

**MODUL 2 : MEMBUAT CORAK DAN REKAAN**  
**AKTIVITI : PUALAMAN**  
**GABUNGAN TEKNIK DALAM AKTIVITI : LIPATAN DAN GUNTINGAN SERTA TIUPAN**  
**TEMA : ALAM SEMULA JADI ATAU OBJEK BUATAN MANUSIA**

- Menghasilkan corak pualaman yang menggabungkan teknik lipatan dan guntingan serta tiupan dengan menekankan bahasa seni visual
- Mengaplikasikan pelbagai media serta proses dan teknik secara kreatif
- Menggunakan corak sebagai hiasan atau rekaan
- Membuat apresiasi terhadap karya

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
<p><b>2.1 PERSEPSI ESTETIK</b> Membuat persepsi dan mengenal pasti bahasa seni visual yang ada pada hasil aktiviti pualaman dengan gabungan teknik lipatan dan guntingan serta tiupan</p> <p><b>2.2 APLIKASI SENI</b> Mengaplikasikan bahasa seni visual dan media dalam penghasilan pualaman dengan gabungan teknik lipatan dan guntingan serta tiupan</p>	<p>Murid dapat membuat persepsi, mengenal pasti, memahami, dan menyatakan bahasa seni visual yang ada pada pualaman dengan gabungan teknik lipatan dan guntingan serta tiupan.</p> <p>2.1.1 Unsur Seni            2.1.1.1 Rupa            2.1.1.2 Jalinan            2.1.1.3 Warna</p> <p>2.1.2 Prinsip Rekaan            2.1.2.1 Kontra            2.1.2.2 Ritma dan pergerakan</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam penghasilan cetakan dengan teknik lipatan dan guntingan serta tiupan.</p> <p>2.2.1 Mengenal dan menyatakan jenis-jenis media seperti:  <b>Cadangan media:</b>            2.2.1.1 Alat - gunting dan besen atau alatan yang sesuai            2.2.1.2 Bahan - kertas lukisan, cat kilat, gam atau bahan lain yang sesuai</p> <p>2.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya            2.2.2.1 Teknik - campuran (pualaman, lipatan dan guntingan serta tiupan)</p>	<p><b>TAHAP PENGUSAHAAN 1</b> Mengetahui, memahami, dan menghubungkan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam aktiviti pualaman dengan gabungan teknik lipatan dan guntingan serta tiupan pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUSAHAAN 2</b> Mengetahui, memahami dan merumuskan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam aktiviti pualaman dengan gabungan teknik lipatan dan guntingan serta tiupan pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p> <p><b>TAHAP PENGUSAHAAN 3</b> Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan pualaman dengan gabungan teknik lipatan dan guntingan serta tiupan pada karya di samping mengamalkan nilai-nilai murni.</p>

